



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 3 September 2015

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	815 set komputer dirampas di pusat judi
Muka Surat	:	15



ANGGOTA penguat kuasa MPSepang mengangkat set komputer yang dirampas dalam serbuan di pusat perjudian sekitar Dengkil berhampiran Putrajaya, kelmarin. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

# 815 set komputer dirampas di pusat judi

Oleh **HAKIMI ISMAIL**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 2 SEPT**

**T**INDAKAN pihak berkuasa terhadap pusat perjudian termasuk judi siber di negara ini seolah-olah tidak memberi kesan kepada pengusahanya kerana mereka didapati kembali membuka premis masing-masing.

Perkara itu terbukti apabila Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menyerbu 10 pusat perjudian di sekitar Dengkil, Selangor dalam satu operasi khas semalam.

Pusat perjudian tersebut dipercayai menasarkannya penjawat awam dan kontraktor sebagai pelanggan utama.

Yang Dipertua MPSepang, Puasa Md. Taib berkata, 45 penguat kuasa terlibat dalam serbuan itu dan sebanyak 815 set komputer judi siber bernilai RM489,000 dirampas.

Beliau berkata, ketika serbuan dianggarkan terdapat kira-kira 100 pelanggan terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk penjawat awam sedang leka berjudi di 10 premis terbabit, namun mereka tidak ditahan kerana bukan di bawah bidang kuasa MPSepang.

Menurutnya, kesemua 10 pusat judi yang diserbu itu beroperasi di tingkat atas bangunan bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa yang sering melakukan rondaan di kawasan tersebut.

"Operasi yang dijalankan itu bermula pada pukul 11 pagi dan diketuai oleh Pengarah Operasi, Azran Musa. Semasa serbuan didapati kesemua premis dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengesan pergerakan pihak berkuasa selain turut dikawal oleh tonto.

"Pengusaha pusat perjudian juga dikesan menggunakan wanita warga asing yang berpakaian mencolok mata bagi menarik perhatian pe-

langgan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Puasa memberitahu, kesemua premis telah disita dan kes disiasat di bawah Akta Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPSepang) 2007.

"Premis yang diserbu juga didapati menjalankan aktiviti perjudian terbuka yang melibatkan pertaruhan sehingga RM50,000 untuk satu sesi.

"Semasa serbuan, kesemua premis didapati telah menyediakan lori untuk melarikan komputer sekiranya serbuan dilakukan oleh pihak berkuasa," katanya.

Dalam pada itu katanya, laporan berhubung operasi tersebut telah dihantar ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan lanjut.